

► GARISPANDUAN KAWALAN TIBI DI INSTITUSI PENJARA MALAYSIA



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT,
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
&
JABATAN PENJARA MALAYSIA,
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

2017

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penghasilan garispanduan ini.

SUMBER PEMBIAYAAN

Garispanduan kawalan tibi di penjara Malaysia ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia



Diterbitkan oleh:
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3,4,6, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya,
MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara:

Pemilik hak cipta penerbitan ini adalah Bahagian Kawalan Penyakit (BKP). Kandungan boleh diterbitkan semula dalam apa-apa bilangan salinan dan dalam apa-apa bentuk atau media dengan syarat pengakuan hak cipta dimasukkan dan kandungan yang tidak berubah, tidak dijual, tidak juga digunakan untuk menggalakkan atau menyokong mana-mana produk atau perkhidmatan, dan tidak digunakan dalam konteks yang tidak sesuai atau mengelirukan.

Edisi Pertama ; 2006

Edisi Kedua
Diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017
ISBN: 978-967-2173-02-1
Boleh didapati di laman web berikut:
<http://www.moh.gov.my>

PENAUNG:

Dato' Dr. Chong Chee Kheong
 Pengarah
 Bahagian Kawalan Penyakit
 Kementerian Kesihatan Malaysia

PENYELARAS:

Dr. Mohamed Naim bin Hj. Abdul Kadir
 Ketua Sektor Tibi/Kusta
 Bahagian Kawalan Penyakit
 Kementerian Kesihatan Malaysia

**AHLI - AHLI PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN KAWALAN TIBI DI INSTITUSI
 PENJARA MALAYSIA EDISI KE 2 (mengikut susunan alphabet)**

Dr. Adam Prakash bin Gunaselan
 Ketua Penolong Pengarah (Tibi/Kusta)
 Jabatan Kesihatan Negeri Perak

En. Ahmad Faisal bin Abdul Halim
 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
 Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat
 Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

En. Ahmad Suhaizam bin Misman
 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
 Pejabat Kesihatan Daerah Gombak
 Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

En. Alias bin Abu Hassan
 Penolong Pegawai Perubatan
 Sektor Tibi/Kusta
 Bahagian Kawalan Penyakit
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Asmah binti Razali
 Ketua Penolong Pengarah Kanan
 Sektor Tibi/Kusta
 Bahagian Kawalan Penyakit
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Fuziah Paimin
 Pakar Perunding Perubatan Keluarga
 Klinik Kesihatan Kajang
 Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Dr. Mohd Nor Hayat bin Mamat
 Pegawai Perubatan
 Bahagian Pengurusan Banduan
 Jabatan Penjara Malaysia

En. Hj. Mohd Lazim bin Kadir
 Penolong Pegawai Perubatan
 Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
 Kementerian Kesihatan Malaysia

En. Mohd Rotpi bin Abdullah
 Pegawai Kesihatan Persekitaran
 Sektor Tibi/Kusta
 Bahagian Kawalan Penyakit
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Muhammad bin Ismail
 Ketua Penolong Pengarah Kanan
 Sektor Tibi/Kusta
 Bahagian Kawalan Penyakit
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Naiemy binti Reffin
 Ketua Penolong Pengarah Kanan
 Sektor Tibi/Kusta
 Bahagian Kawalan Penyakit
 Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Nurwanida binti Mohd Rajab
 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
 Unit Tibi/Kusta
 Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Dr. P. Raviwharmman
Pegawai Kesihatan Epidemiologi Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Batang Padang,
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Dr. Punitha A/P Makeswaran
Ketua Penolong Pengarah Kanan (Tibi/Kusta)
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Rusdi bin Abdul Rahman
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah,
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pn. Santhi A/P Atchuthan
Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Kependidikan, Antidadah dan RELA
Kementerian Dalam Negeri

Dr. Siti Fatimah binti Mat Hussin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. Suryati binti Bee
Penyelia Jururawat Kesihatan
Sektor Tibi/Kusta
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Syed Mud Puah bin Syed Amran
Pegawai Epidemiologi Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pn. S. Premalatha a/p Subramaniam
Ketua Jururawat
Sektor Tibi/Kusta
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

En. Victor Lazarus
Pegawai Kesihatan Persekitaran
Sektor Tibi/Kusta
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Editor

Dr. Asmah binti Razali
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Tibi/Kusta
Bahagian Kawalan Penyakit , KKM

Dr. Naiemy Reffin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Sektor Tibi/Kusta
Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

	KANDUNGAN	Muka Surat
	KATA-KATA ALUAN	6
1	Pengenalan	
1.1	Situasi Tibi Di Penjara	7
1.2	Risiko Jangkitan Tibi Di Penjara	8
2	Objektif	9
3	Aktiviti-Aktiviti	
3.1	Saringan Tibi Banduan / Tahanan / Penghuni Baru Masuk / Pindah Masuk	9
3.2	Pengurusan Tibi Banduan / Tahanan / Penghuni Di Dalam Institusi	11
3.3	Pengasingan Banduan / Tahanan / Penghuni Mengikut Blok/Bilik Pengasingan	11
3.4	Rawatan Banduan / Tahanan / Penghuni Penjara Yang Menghidap Penyakit Tibi	12
3.5	Pengesanan Dan Pemeriksaan Kontak	12
3.6	Pengurusan Banduan / Tahanan / Penghuni Dengan HIV Positif	13
3.7	Pengurusan Maklumat Tibi	13
3.8	Pengurusan Banduan / Tahanan / Penghuni Penjara / Tahanan Reman Yang Menghidap Tibi Sebelum Dibebaskan	14
3.9	Saringan Tibi Kakitangan Penjara Yang Berisiko	15
3.10	Promosi Kesihatan	16
4.	Tugas Dan Tanggungjawab	16
4.1	Jabatan Kesihatan Negeri	16
4.2	Pejabat Kesihatan Daerah	16
4.3	Institusi Penjara	17
5.	Rujukan	19
6.	Lampiran	
	Lampiran 1: Carta Alir Saringan Tibi Dan Penempatan Banduan / Tahanan / Penghuni	20

Lampiran 2: Proses Kerja Saringan Tibi Dan Penempatan Banduan / Tahanan / Penghuni	21
Lampiran 3: Carta Alir Pengurusan Rawatan Tibi Di Kalangan Banduan / Tahanan / Pen ghuni / Tahanan Reman	22
Lampiran 4: Proses Kerja Pengurusan Rawatan Tibi Di Kalangan Banduan / Tahanan / Penghuni / Tahanan Reman	23
Lampiran 5: Carta Alir Pengurusan Pemberian IPT Di Kalangan Banduan / Tahanan / Penghuni Berstatus HIV Positif	24
Lampiran 6: Proses Kerja Pengurusan Pemberian IPT Di Kalangan Banduan / Tahanan / Penghuni Berstatus HIV Positif	25
Lampiran 7: Carta Alir Saringan Kontak Di Kalangan Banduan / Tahanan / Penghuni	26
Lampiran 8: Proses Kerja Saringan Kontak Di Kalangan Banduan / Tahanan / Penghuni	27
Lampiran 9: Carta Alir Saringan Tibi Dikalangan Kakitangan Penjara	28
Lampiran 10: Proses Kerja Saringan Tibi Dikalangan Kakitangan Penjara	29
Lampiran 11: Borang Saringan Kesihatan Penyakit Tibi di Penjara	30
Lampiran 12: Laporan Bulanan Kes Tibi Dan Aktiviti Pencegahan Tibi Di Penjara	32
Lampiran 13: Senarai Institusi Penjara Dan Klinik Kesihatan / Pejabat Kesihatan Daerah Yang Bertanggungjawab	33
Lampiran 14: Borang Makluman Status Penyakit Tibi Banduan / Tahanan / Penghuni Kepada Pejabat Rekod Penjara (PB/01)	39
Lampiran 15: Borang Makluman Status Pergerakan Banduan / Tahanan / Penghuni Pesakit Tibi (PB/02)	40
Lampiran 16: Rujukan Menjalani Saringan Sistematis Golongan Berisiko Tinggi Tibi (X-Ray Dada) Bagi Kakitangan Penjara	41
Lampiran 17: Senarai Semak Kaunseling Program Kawalan Tibi	42

KATA-KATA ALUAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam pembangunan Garispanduan Kawalan Tibi di Institusi Penjara Malaysia ini. Pembangunan Garispanduan Kawalan Tibi di Institusi Penjara ini merupakan edisi ke -2 di mana beberapa aspek penambahbaikan telah dirancang dan diperkemas bagi memperkukuhkan lagi Program Kawalan Tibi Kebangsaan di Institusi-institusi tahanan amnya dan Institusi Penjara khususnya yang merupakan tempat berisiko tinggi bagi sebaran dan jangkitan kuman tibi.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Bahagian Kepingjaraan dan Bahagian Kepolisan & Keselamatan Sempadan, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia dan Bahagian Pengurusan, Polis Diraja Malaysia atas kerjasama dan sumbangan idea yang amat penting bagi membangunkan garispanduan ini. Semoga garispanduan ini akan dapat dijadikan rujukan dan panduan bagi aktiviti-aktiviti kawalan dan pencegahan penyakit tibi di institusi penjara di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,



(Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

1. PENGENALAN

Penyakit Tuberculosis (Tibi) merupakan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis kuman *Mycobacterium Tuberculosis*. Penyakit ini disebarkan melalui udara yang boleh menjangkiti sesiapa sahaja yang terdedah kepada kuman ini.


Penjara merupakan institusi tahanan yang menjadi penempatan di mana penularan penyakit berjangkit terutama penyakit tibi amat mudah berlaku. Keadaan persekitaran yang berkepadatan tinggi, persekitaran yang terhad dengan bilangan banduan / tahanan / penghuni yang padat serta struktur bangunan yang kurang pengudaraan menjadikan institusi penjara sebagai kawasan penempatan yang sangat berisiko tinggi mendapat penyakit tibi. Tambahan pula, latar belakang banduan / tahanan / penghuni yang terdiri daripada pelbagai sejarah perubatan, menjadikan institusi penjara sebagai lokaliti yang berpotensi amat tinggi bagi penyebaran penyakit tibi ini kepada banduan / tahanan / penghuninya dan juga kakitangan penjara itu sendiri.

1.1 SITUASI TIBI DI PENJARA

Kadar insiden penyakit tibi di institusi penjara adalah lebih tinggi berbanding kadar insiden penyakit tibi di kalangan masyarakat awam. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan bahawa jumlah kes tibi di penjara boleh mencapai 100 kali ganda lebih tinggi berbanding dengan jumlah kes tibi yang dilaporkan di masyarakat. Secara puratanya juga, sebanyak 25 peratus daripada keseluruhan jumlah kes tibi yang dilaporkan di sesebuah negara adalah daripada kes tibi di penjara (Tuberculosis in Prison, WHO, 2016).

Pada tahun 2016, terdapat 42 buah institusi penjara (termasuk Sekolah Henry Gurney dan Pusat Pemulihan Akhlak) di seluruh Malaysia. Jumlah kes tibi yang dilaporkan di semua institusi penjara pada tahun 2016 adalah sebanyak 947 kes (kadar insiden 487.3 per 100,000 banduan / tahanan / penghuni) berbanding jumlah kes tibi secara keseluruhan yang dilaporkan pada tempoh masa yang sama iaitu sebanyak 25 747 kes (kadar insiden 83.4 per 100,000 penduduk).

Rajah 1: Kadar Insiden Tibi (Semua Jenis) Bagi Banduan / Tahanan / Penghuni Di Penjara Dan Penduduk Malaysia, 2011– 2016



Sumber: Jabatan Penjara Malaysia; Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017.

1.2 Risiko Jangkitan Tibi Di Penjara

Pengurusan tibi di penjara memainkan peranan yang penting di dalam mengawal dan mencegah penularan penyakit ini di kalangan banduan / tahanan / penghuni penjara dan juga kepada kakitangan penjara. Pengurusan penyakit tibi yang lemah, kurang efektif dan tidak menyeluruh akan menyebabkan kadar jangkitan penyakit yang tinggi di institusi tersebut seterusnya meningkatkan risiko jangkitan kepada kakitangan penjara.

Selain itu, faktor persekitaran seperti jumlah banduan / tahanan / penghuni yang padat dan pengudaraan serta pencahayaan yang kurang baik di institusi penjara memudahkan lagi sebaran penyakit ini. Banduan / tahanan / penghuni yang dijangkiti akan menjadi punca jangkitan kepada anggota masyarakat selepas dibebaskan dari penjara kelak. Di antara faktor-faktor pengurusan tibi di penjara yang boleh ditambahbaik adalah seperti berikut:

- Pengesanan kes tibi yang lewat disebabkan kelewatan dalam mendiagnosa (e.g kelewatan mengesan masalah kesihatan banduan / tahanan / penghuni, kegagalan mengesan penyakit tibi lebih awal pada permulaan simptom, pengasingan banduan / tahanan / penghuni yang mendapat jangkitan tibi aktif yang kurang efektif)

- Kelewatan merujuk banduan / tahanan / penghuni yang disyaki tibi untuk memulakan rawatan
- Perpindahan banduan / tahanan / penghuni yang menghidap tibi jenis berjangkit (kahak positif) ke penjara lain dan di dalam institusi penjara itu sendiri tanpa kawalan dan pengetahuan pasukan tibi daerah
- Pemantauan dan pengurusan rawatan tibi yang kurang berkesan (kegagalan penyeliaan rawatan DOT) menyebabkan kegagalan untuk menyembuhkan pesakit dan memanjangkan tempoh jangkitan.
- Pembebasan banduan / tahanan / penghuni yang masih di dalam rawatan tanpa seliaan dan pengetahuan pasukan tibi daerah meningkatkan risiko cicir rawatan tibi seterusnya meningkatkan risiko MDR-TB (Multidrug Resistant –TB) ke masyarakat.
- Pendidikan, promosi dan kesedaran kesihatan berkaitan penyakit tibi di kalangan kakitangan penjara dan banduan / tahanan / penghuni terutama banduan / tahanan / penghuni yang akan bebas yang masih kurang berkesan.
- Struktur dan keadaan persekitaran bangunan penjara seperti pencahayaan dan ventilasi yang kurang sesuai bagi menghalang sebaran penyakit tibi
- Kepadatan banduan / tahanan / penghuni yang tinggi di dalam sesebuah institusi penjara meningkatkan risiko sebaran penyakit tibi.

2. OBJEKTIF

2.1 Objektif Umum

Untuk memperkukuhkan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit tibi di Institusi Penjara Malaysia.

2.2 Objektif Khusus

- 2.2.1 Mengurangkan kadar kejadian penyakit tibi di institusi penjara
- 2.2.2 Mencegah dan mengawal penularan penyakit tibi di penjara
- 2.2.3 Mempertingkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan penyakit tibi di kalangan banduan / tahanan / penghuni dan kakitangan penjara
- 2.2.4 Meningkatkan promosi pendidikan kesihatan di kalangan banduan / tahanan / penghuni dan kakitangan penjara

3. AKTIVITI - AKTIVITI

3.1 Saringan Tibi Banduan / Tahanan / Penghuni Baru Masuk / Pindah Masuk

Semua banduan / tahanan / penghuni yang baru masuk atau pindah masuk ke penjara hendaklah menjalani pemeriksaan kesihatan termasuk saringan penyakit tibi dalam tempoh 24 jam kemasukan.

“ Di bawah Peraturan 18(1), Peraturan-Peraturan Penjara 2000: Tiap-tiap banduan hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas diterima masuk, diperiksa secara berasingan oleh Pegawai Perubatan, yang hendaklah mencatatkan ke dalam Rekod Banduan butir-butir mengenai keadaan kesihatan banduan dan apa-apa butir lain sebagaimana yang difikirkannya perlu ”.

Saringan penyakit tibi pada banduan / tahanan / penghuni yang baru masuk atau berpindah masuk boleh diadakan sekali dengan saringan kesihatan yang ditetapkan. Saringan awal bertujuan untuk pengesanan awal penyakit tibi yang mungkin dihadapi oleh banduan / tahanan / penghuni yang baru dimasukkan ke penjara. Saringan ini dilakukan sebelum penempatan banduan / tahanan / penghuni di blok-blok ditetapkan. Banduan / tahanan / penghuni baru yang dikesan atau disyaki menghidap tibi perlu diasingkan daripada banduan / tahanan / penghuni yang lain bagi mencegah penularan dan seterusnya mengawal jangkitan daripada berlaku.

Saringan awal tibi bagi banduan / tahanan / penghuni yang baru masuk atau berpindah masuk perlu menggunakan Borang Saringan Kesihatan (lampiran 11) dan maklumat-maklumat perlu disimpan dalam rekod banduan / tahanan / penghuni berkenaan. Proses saringan banduan / tahanan / penghuni baru masuk sebelum ditempatkan di blok-blok penempatan adalah seperti di lampiran1.

- Semua banduan / tahanan / penghuni baru masuk/pindah masuk perlu disaring simptomatik tibi
- Banduan / tahanan / penghuni baru masuk / pindah masuk yang mempunyai simptom tibi perlu dilakukan ujian pengesanan tibi (pemeriksaan kahak AFB dan X-Ray dada)

Rajah 2: Simptom-simptom Penyakit Tibi

Mana-mana banduan / tahanan / penghuni yang mempunyai salah satu atau lebih simptom-simptom tibi seperti:

- Batuk selama 2 minggu
- Demam berpanjangan
- Hilang selera makan
- Susut berat badan
- Berpeluh Waktu Malam
- Batuk berdarah

Pemakaian PPE N95 di kalangan kakitangan penjara semasa prosedur saringan kemasukan banduan / tahanan / penghuni baru adalah diwajibkan

3.2 Pengurusan Tibi Banduan / Tahanan / Penghuni Di Dalam Institusi

Anggota kesihatan / kakitangan penjara yang bertugas di dalam Institusi Penjara perlu membuat pemeriksaan terhadap mana-mana banduan / tahanan / penghuni penjara yang mempunyai simptom-simptom tibi seperti di rajah 2 bagi pengesanan penyakit tibi.

Selain itu, saringan berkala pengesanan kes tibi bagi semua banduan / tahanan / penghuni penjara hendaklah dilaksanakan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah yang bertanggungjawab dengan kerjasama penuh daripada pihak penjara.

3.3 Pengasingan Banduan / Tahanan / Penghuni Mengikut Blok / Bilik Pengasingan

Banduan / tahanan / penghuni yang telah menjalani saringan awal akan ditempatkan ke blok / bilik pengasingan mengikut kategori berikut:

Rajah 3: Blok / Bilik Pengasingan Mengikut Status Penyakit Banduan / Tahanan/ Penghuni

Blok / Bilik Pengasingan	Kategori Banduan / Tahanan / Penghuni
Umum	Banduan / tahanan / penghuni yang disahkan tidak menghidap apa-apa jenis penyakit berjangkit
Tibi	Banduan / tahanan / penghuni yang telah disahkan tibi sahaja
HIV	Banduan / tahanan / penghuni telah disahkan menghidap HIV sahaja
Tibi dan HIV	Banduan / tahanan / penghuni yang disahkan menghidap tibi dan HIV
Kuarantin Tibi	Banduan / tahanan / penghuni yang masih menunggu pengesanan penyakit tibi
Penyakit Berjangkit Lain	Banduan / tahanan / penghuni yang menghidap penyakit berjangkit selain tibi dan HIV.

Banduan / tahanan / penghuni yang menghidap penyakit tibi pulmonari kahak positif mesti memakai mask sekiranya perlu keluar daripada bilik pengasingan sehingga disahkan kahak bertukar negatif.

Bagi banduan / tahanan / penghuni yang menghidap tibi kahak negatif atau extrapulmonari tibi, pemakaian mask ada lah untuk tempoh sekurang-kurangnya dua bulan setelah menerima rawatan.

3.4 Rawatan Banduan / Tahanan / Penghuni Penjara yang Menghidap Penyakit Tibi

3.4.1 Kaunseling Tibi

Semua banduan / tahanan / penghuni penjara yang menghidap penyakit tibi perlu diberi pengetahuan berkaitan penyakit yang dihadapi samada secara bertulis atau secara lisan. Mereka perlu menjalani kaunseling tibi seperti yang digariskan di dalam Modul Kaunseling Tibi/Kusta, Kementerian Kesihatan Malaysia, Edisi Pertama.

Para-kaunselor yang dikenalpasti di kalangan kakitangan penjara perlu menjalani kursus / latihan modul kaunseling sebelum mengendalikan sesi kaunseling bagi banduan / tahanan / penghuni yang disyaki dan disahkan menghidap tibi. Laporan penilaian kaunseling tibi di kalangan banduan / tahanan / penghuni perlu dimasukkan ke dalam rekod rawatan pesakit tibi (lampiran 19) rawatan.

3.4.2 Rawatan Secara DOT (Direct Observed Treatment)

Semua pesakit tibi yang menerima rawatan hendaklah dirawat secara DOT (Direct Observed Treatment) bagi memastikan kepatuhan pada rawatan dan kesembuhan pesakit. Rawatan secara DOT perlu diselia oleh penyelia DOT yang terlatih. Penyelia DOT mestilah terdiri daripada kakitangan penjara yang telah dilatih iaitu Pegawai Perubatan Penjara, Penolong Pegawai Perubatan Penjara, Jururawat Terlatih Penjara dan Medical Orderly. Penyelia DOT perlu mengenal pasti sebarang masalah berkaitan kesan sampingan ubat atau komplikasi penyakit tibi dan dirujuk ke Pusat Rawatan 1 yang bertanggungjawab.

3.4.3 Rawatan Susulan Di Pusat Rawatan 1 (PR 1)

Di samping rawatan ubatan, banduan / tahanan / penghuni penjara yang menghidap tibi juga perlu menjalani pemeriksaan doktor di fasiliti kesihatan di luar institusi penjara secara berkala seperti yang ditetapkan oleh doktor yang merawat pesakit (lampiran 3).

3.5 Pengesanan Dan Pemeriksaan Kontak

Semua banduan/tahanan/penghuni penjara yang terdedah atau tinggal sebilik dengan pesakit tibi perlu menjalani pemeriksaan kontak bagi pengesanan awal penyakit tibi. Pemeriksaan kawalan kontak tibi di kalangan banduan / tahanan / penghuni penjara adalah secara kawalan simptomatik dan x-ray dada mengikut garis panduan kawalan kontak mengikut Surat Pengukuhan Aktiviti Kawalan Kontak Tibi di Bawah Program Kawalan Tibi Kebangsaan [(17) dlmKKM-171/BKP/02/09 bertarikh 9 Oktober 2013].

Pejabat Kesihatan Daerah yang menjaga institusi penjara berkenaan perlu berkerjasama dengan Jabatan Penjara bagi memastikan perlaksanaan aktiviti ini dengan sepenuhnya.

3.6 Pengurusan Banduan / Tahanan / Penghuni Dengan HIV Positif

Bagi banduan / tahanan / penghuni penjara berstatus HIV positif dan disahkan tidak menghidap tibi perlu diberi rawatan IPT (Isoniazid Prophylaxis Therapy) sekiranya tiada kontraindikasi mengikut tatacara pemberian IPT seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 5/2011 :Pemberian Terapi Profilaksis Isoniazid (Isoniazid Prophylaxis Therapy, IPT) Di Kalangan HIV Positif Bagi Mencegah Jangkitan Tuberkulosis [Ruj: (15) KKM-171/BKP/07/35/0519 JLD 4 bertarikh 2 Jun 2011.

Hanya banduan / tahanan / penghuni yang menjalani hukuman pemenjaraan melebihi 6 bulan sahaja yang layak untuk menerima IPT ini. Semua banduan / tahanan / penghuni yang menerima IPT perlu diselia (DOT) sepanjang tempoh rawatan.

Bagi institusi yang mempunyai kemudahan perkhidmatan X-Ray, semua banduan / tahanan / penghuni berstatus HIV positif yang baru masuk atau pindah masuk perlu dilakukan pemeriksaan X-Ray dada bagi saringan tibi selain saringan simptomatik

3.7 Pengurusan Maklumat Tibi

Semua banduan / tahanan / penghuni penjara yang disahkan menghidap tibi perlu dirujuk ke Pusat Rawatan 1 (PR 1) yang berdekatan bagi rawatan selanjutnya. Pihak penjara perlu mengnotifikasi kes tersebut ke Pejabat Kesihatan Daerah berdekatan dengan menggunakan borang Health 1.

3.7.1 Borang Saringan Kesihatan

Borang ini perlu dilengkapkan dalam tempoh 24 jam selepas kemasukan banduan / tahanan / penghuni baru ke penjara.

3.7.2 Laporan Bulanan Kes Tibi dan Aktiviti Pencegahan dan Pengesanan Tibi di Penjara

Laporan ini perlu dihantar ke Seksyen Rawatan dan Layanan, Ibupejabat Penjara dan Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan pada minggu kedua bulan berikutnya. Penghantaran laporan bulanan yang lengkap dan pada masa yang ditetapkan membolehkan pihak Pejabat Kesihatan Daerah memantau situasi Tibi di penjara.

3.7.3 Sistem Maklumat Tibi – TBIS

Di bawah TBIS, institusi penjara telah di kenalpasti sebagai Pusat Rawatan 2 (PR 2) iaitu sebagai pusat untuk menyambung rawatan tibi. Pihak penjara perlu bekerjasama dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah yang terlibat dalam memastikan pelaporan maklumat menggunakan borang TBIS 101D disempurnakan setiap bulan dan dihantar ke Pusat Rawatan 1 (PR 1) yang berkenaan.

Walaubagaimana pun, Institusi penjara boleh berfungsi sebagai PR1 sekiranya memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan atau bila difikirkan perlu oleh Unit Tibi, Jabatan Kesihatan Negeri.

3.7.4 Reten Banduan / Tahanan / Penghuni Yang Menerima IPT

Maklumat daftar banduan / tahanan / penghuni yang menerima IPT perlu disimpan dan dilaporkan kepada Seksyen Rawatan dan Layanan, Ibu pejabat Penjara dan Pejabat Kesihatan Daerah setiap bulan

3.7.5 Laporan Penilaian Banduan / Tahanan / Penghuni Yang Telah Menerima Kaunseling (lampiran 14)

Semua banduan / tahanan / penghuni penjara yang disyaki atau disahkan menghidap penyakit tibi perlu menjalani sesi kaunseling tibi seperti yang digariskan di dalam Modul Kaunseling Tibi/Kusta edisi pertama 2017, KKM.

3.8 Pengurusan Banduan / Tahanan / Penghuni Penjara dan Tahanan Reman Yang Menghidap Tibi Sebelum Dibebaskan

Pengurusan banduan / tahanan / penghuni yang sedang mendapat rawatan tibi sebelum dibebaskan amat penting bagi memastikan kesinambungan rawatan kepada pesakit dan pencegahan penularan penyakit tibi ke masyarakat. Semua banduan / tahanan / penghuni yang sedang mendapat rawatan tibi yang dijadualkan untuk dibebaskan perlu diberitahu seminggu sebelum tarikh pembebasan kepada Pusat Rawatan 1 dan pasukan kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah yang bertanggungjawab bagi persediaan pindah rawatan tibi ke daerah yang akan dipilih oleh banduan / tahanan / penghuni.

Pengurusan tahanan reman yang menghidap tibi juga adalah amat penting bagi memastikan kesinambungan rawatan kepada pesakit sekiranya dijatuhi hukuman bebas bagi mencegah penularan penyakit tibi ke masyarakat. Tahanan reman yang menghidap tibi perlu dikenalpasti oleh pegawai pejabat rekod di penjara dan maklumat pesakit ini perlu sentiasa dikemas kini dan dimaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang bertanggungjawab dengan melengkapkan Borang Makluman Pergerakan Banduan / Tahanan / Penghuni Berpenyakit Tibi (PB/02) sebaik sahaja tarikh perbicaraan diketahui oleh pihak penjara.

Sebelum tahanan reman di bawa ke mahkamah untuk perbicaraan, maklumat berkaitan rawatan tibi pesakit iaitu TBIS 10E perlu disediakan oleh pegawai rekod penjara dan diserahkan kepada pegawai polis yang bertanggungjawab mengiringi tahanan reman ke mahkamah untuk diserahkan kepada mereka sekiranya hukuman bebas dijatuhkan.

Banduan / tahanan / penghuni penjara dan tahanan reman yang bakal di bebaskan perlu menjalani sesi kaunseling khas sekali lagi sebelum tarikh pembebasan atau tarikh perbicaraan untuk hukuman dijatuhkan bagi tahanan reman bagi memastikan mereka benar-benar faham keperluan untuk meneruskan rawatan tibi sehingga sembuh sepenuhnya dan mencegah penularan ke masyarakat.

Kerjasama antara Jabatan Penjara, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pasukan kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah amat penting bagi memastikan kesinambungan rawatan tibi tidak terhenti selepas banduan / tahanan / penghuni penjara dan tahanan reman dibebaskan ke masyarakat. Maklumat rawatan Tibi TBIS 10E perlu diserahkan kepada banduan / tahanan / penghuni dan tahanan reman pada hari pembebasan (lampiran 3).

3.9 Saringan Tibi Kakitangan Penjara Yang Berisiko

Saringan tibi di kalangan kakitangan penjara perlu diberi penekanan memandangkan mereka terdedah kepada banduan / tahanan / penghuni dan persekitaran penjara yang berisiko tinggi menyebarkan kuman tibi.

Kakitangan penjara yang berisiko tinggi ialah mereka yang bertugas di kawalan keselamatan di mana mereka mempunyai hubungan langsung (close contact) dengan banduan / tahanan / penghuni penjara.

Saringan kakitangan penjara yang berisiko perlu dibuat secara berkala oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah di klinik kesihatan terpilih dengan kerjasama daripada Jabatan Penjara atau di klinik-klinik penjara sekiranya mendapat persetujuan daripada Pengarah institusi penjara.

Rajah 4: Bilangan Kes Tibi di Kalangan Kakitangan Penjara Malaysia

NEGERI	TAHUN			JUMLAH
	2014	2015	2016	
JOHOR	2	3	1	6
KEDAH	2	1	2	5
KELANTAN	1	0	1	2
MELAKA	0	0	0	0
N. SEMBILAN	0	1	1	2
PAHANG	1	1	3	5
PERAK	2	3	0	5
P.PINANG	2	0	0	2
SABAH	0	2	1	3
SARAWAK	0	3	1	4
SELANGOR	2	3	1	6
TERENGGANU	2	0	1	3
WPKL	0	0	0	0
MALAYSIA	14	17	12	43

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017

3.10 Promosi Kesihatan

Promosi kesihatan berkaitan penyakit tibi amat penting bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan semua banduan / tahanan / penghuni penjara dan kakitangan penjara berkaitan penyakit tibi. Ceramah dan aktiviti-aktiviti kesedaran penyakit tibi perlu dijalankan secara berkala dengan kerjasama antara pihak penjara dan Pejabat Kesihatan Daerah.

Selain saringan kontak yang dijalankan oleh pasukan Pejabat Kesihatan Daerah, sesi kaunseling tibi juga perlu dilaksanakan di semua institusi penjara yang mempunyai banduan / tahanan / penghuni menghidap tibi.

Kakitangan penjara yang bertanggungjawab menyelia DOT perlu dilatih menjadi para-kaunselor bagi sesi kaunseling tibi di penjara mengikut modul kaunseling tibi/kusta, edisi pertama, KKM.

4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

4.1 Jabatan Kesihatan Negeri

Pegawai Kesihatan Epidemiologi Negeri / Ketua Penolong Pengarah Tibi Negeri

- i. Merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan Program Pencegahan dan Pengawalan Tibi di Institusi Penjara
- ii. Merancang dan menganjurkan latihan di peringkat negeri berkaitan pengendalian pengurusan tibi di penjara, di kalangan kakitangan kesihatan dan kakitangan penjara
- iii. Menyelaraskan pengumpulan data di peringkat daerah / negeri dan menjalankan analisa data tibi di penjara
- iv. Memberi maklumbalas pelaksanaan dan maklumat Program Pencegahan dan Pengawalan Tibi di Institusi Penjara kepada Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.2 Pejabat Kesihatan Daerah

Pegawai Kesihatan Daerah/ Pegawai Tibi Daerah

- i. Merancang, menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan Program Pencegahan dan kawalan Tibi di Institusi Penjara peringkat daerah
- ii. Mengenalpasti masalah dan memberi cadangan penyelesaian dalam implementasi aktiviti - aktiviti pencegahan dan kawalan tibi di penjara

- iii. Merancang dan menganjurkan latihan bersama dengan pihak penjara di kalangan kakitangan penjara dan pendidikan kesihatan kepada banduan / tahanan / penghuni
- iv. Menyelaraskan pengumpulan data dan menjalankan analisa data tibi di penjara bagi peringkat daerah
- v. Mengadakan mesyuarat pengurusan/teknikal bersama dengan pihak penjara sekurang-kurangnya 1 kali setahun
- vi. Membantu pihak penjara dalam menjalankan saringan tibi di kalangan banduan / tahanan / penghuni
- vii. Menerima makluman dari pihak penjara tentang banduan / tahanan / penghuni dipindahkan/bebas dari penjara
- viii. Melaporkan kepada PR 1 baru bagi banduan / tahanan / penghuni masih di dalam rawatan tibi yang akan dibebaskan atau pindah penjara
- ix. Memastikan kaunseling khas diberi kepada banduan / tahanan / penghuni yang sedang menerima rawatan tibi sebelum dibebaskan

4.3 Institusi Penjara

Pengarah Penjara

- i. Memantau pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit tibi di kalangan banduan / tahanan / penghuni mengikut garispan-duan yang ditetapkan
- ii. Menguruskan keperluan kakitangan yang mencukupi dan terlatih dalam menjalankan aktiviti berkaitan tibi di penjara
- iii. Mengenal pasti kakitangan penjara yang berisiko bagi tujuan saringan tibi di kalangan kakitangan penjara

Ketua Unit Pemulihan & Rawatan

- i. Menyediakan keperluan logistik ke Pusat Rawatan 1 bagi rawatan pesakit tibi, pemeriksaan kontak dan pemeriksaan susulan di kalangan banduan / tahanan / penghuni
- ii. Memantau pengumpulan data tibi di penjara dan pelaporan ke Pejabat Kesihatan Daerah dan Ibu Pejabat Penjara Malaysia
- iii. Memaklumkan ke Pejabat Kesihatan Daerah tentang perpindahan / pembebasan banduan / tahanan / penghuni dengan tempoh satu minggu sebelum banduan / tahanan / penghuni dipindah / bebas dari penjara
- iv. Mengasingkan banduan / tahanan / penghuni simptomatik tibi dan asimptomatik tibi setelah saringan kesihatan dijalankan

- v. Menempatkan banduan / tahanan / penghuni di blok / bilik pengasingan mengikut status penyakit
- vi. Merujuk banduan / tahanan / penghuni yang menghidap tibi ke Pusat Rawatan 1 bagi menjalani pemeriksaan susulan mengikut temujanji yang ditetapkan
- vii. Merujuk kontak yang asimptomatik di kalangan banduan / tahanan / penghuni ke Pusat Rawatan 1 untuk tujuan pengesanan penyakit tibi
- viii. Merujuk kontak di kalangan banduan / tahanan / penghuni menjalani pemeriksaan susulan di Pusat Rawatan 1 mengikut ketetapan

Pegawai Perubatan Penjara / Penolong Pegawai Perubatan Penjara

- i. Melengkapkan Borang Saringan Kesihatan dalam tempoh seminggu setelah saringan kesihatan dijalankan
- ii. Menjalankan pengesanan kes tibi di kalangan banduan / tahanan / penghuni yang membuat pengakuan lisan sebagai kes tibi
- iii. Merujuk banduan / tahanan / penghuni yang keputusan ujian kahak AFB positif ke Pusat Rawatan 1 untuk pengesanan dan rawatan dan susulan
- iv. Menjalankan saringan HIV di kalangan setiap banduan / tahanan / penghuni yang baru masuk / pindah masuk
- v. Merujuk banduan / tahanan / penghuni simptomatik dengan ujian kahak negatif untuk menjalani pemeriksaan X-ray di PR 1
- vi. Menjalankan dan menyelia aktiviti DOT (*Directly Observed Treatment*) di kalangan pesakit Tibi
- vii. Menandatangani buku rawatan tibi (TBIS 10 E) setelah DOT dijalankan
- viii. Membantu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Daerah menjalankan penyiasatan kontak
- ix. Menyedia dan menghantar laporan ke Pejabat Kesihatan Daerah dan TBIS 101 D ke PR 1
